

PERHATIKAN
PLEASE NOTE

EMBARGO

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan sebelum
pukul 10.00 pagi pada 29.8.77DR. MAHATHIR MOHAMAD DI MESYUARAT MAJLIS
PERHUTANAN NEGARA

13

Ucapan Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad selaku Pengerusi Majlis Perhutanan Negara, di Mesyuarat Majlis Perhutanan Negara pada 29hb. Ogos, 1977 jam 9.30 pagi di Bilik Jawatankuasa Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur.

Kita bersidang pada kali ini di ambang satu krisis yang penting dalam perkembangan ekonomi negara. Krisis yang saya maksudkan itu adalah berkaitan dengan sektor perusahaan perhutanan yang berpunca dari kadar pengusaha-hasilan hutan yang tidak dikawal atau tidak mempunyai program-program kawalan yang tertentu. Keadaan yang berlaku sekarang bolehlah diibaratkan sebagai kata pepatah Inggeris: "Killing the goose that lays the golden eggs". Keadaan yang ada sekarang ini adalah sangat merunsingkan. Jikalau kita biarkan keadaan yang ada sekarang ini berterusan, ia mempunyai implikasi yang siriis terhadap perkembangan sosio-ekonomi negara kita. Mulai sekarang kita mesti mengambil langkah-langkah yang positif supaya krisis yang sedang berlaku sekarang ini dapat dikurangkan impaknya. Saya percaya kita masih lagi mempunyai keupayaan, tenaga, dayausaha dan kejujuran untuk mengambil langkah dan tindakan yang wajar bagi kepentingan kita bersama.

Semenjak awal tahun-tahun ketiga-puluhan kita telah mula membangunkan perusahaan perkayuan kita yang telah berkembang dengan pesat dari setahun ke setahun. Sekarang perusahaan ini dapat mengeluarkan pelbagai jenis pengeluaran dan mengadakan keperluan pekerjaan bagi kira-kira 50,000 orang pekerja. Selain dari itu beberapa ribu rakyat lagi bergantung secara tidak langsung bagi sara hidup mereka kepada perusahaan kayukayan. Kita harus menyedari betapa siriis implikasi-implikasinya kepada kestabilan sosio-ekonomi negara ini, jika sekiranya sektor perusahaan perkayuan ini merosot. Kita harus menyoal diri kita sendiri apakah yang telah menyebabkan munculnya keadaan krisis dalam perusahaan perkayuan dalam negara kita ini? Saya fikir salah satu daripada faktor penting ialah tentang kadar pembukaan kawasan-kawasan membalak yang tidak terkawal terutamanya dalam tempoh kira-kira enam tahun yang lepas ini. Dalam jangka-masa itu sejumlah kira-kira 5.5 juta ekar kawasan hutan telah dibuka untuk dibalak. Dalam tahun 1976 sahaja, luas kawasan yang telah dibuka untuk dibalak telah meningkat ke angka yang paling tertinggi iaitu 1,015,000 ekar. Sebahagian besar daripada kawasan-kawasan yang telah dibuka itu iaitu kira-kira 4.1 juta ekar, adalah untuk dimajukan bagi pembangunan pertanian. Tetapi malangnya 1.4 juta ekar dari kawasan-kawasan itu tidak diperlukan untuk pembangunan pertanian secara segera.

Pembukaan kawasan-kawasan hutan yang tidak mengikut program-program tertentu itu telah mengakibatkan pembukaan kawasan-kawasan yang sangat luas. Tidak boleh dinafikan bahawa perbuatan yang sedemikian akan menghabiskan perusahaan kayu kita dengan kadar yang cepat. Jikalau kadar sekarang ini berterusan, maka kita akan kehabisan sumber kayu-kayuan dalam-masa kira-kira 12 tahun lagi sahaja. Ini adalah bermakna bahawa selepas itu kita akan hanya bergantung kepada pengeluaran kayu dari kawasan-kawasan hutan simpan kekal kita sahaja. Juga ini bermakna bahawa pada

(tambahan)

kira-kira tahun 1990, kadar pengeluaran kayu balak kita tidak mencukupi untuk membekalkan permintaan dalam negara lagi. Perusahaan eksport kayu-kayan kita akan lenyap, dan sebahagian besar dari kapasiti kilang kayu kita yang ada sekarang ini terpaksa ditutup. Pada masa itu kita terpaksa mengimport kayu dari luar negeri dan ini akan mengurangkan pertukaran wang asing kita. Masalah-masalah kehilangan mata pencarian di kalangan rakyat akan berlaku dan juga kita akan mengalami kehilangan modal yang telahpun ditanam dalam perusahaan ini. Sebaliknya, jikalau pembukaan kawasan-kawasan hutan untuk dibalok adalah mengikut kadar keluasan yang betul-betul diperlukan untuk pembangunan pertanian tiap-tiap tahun, iaitu seluas kira-kira 140,000 ekar, dan tidak atas kadar purata sekarang seluas kira-kira 680,000 ekar setahun, mungkin kita dapat memanjangkan nyawa sumber-sumber kayu asli dari kawasan-kawasan hutan itu bagi tempoh kira-kira 35 tahun lagi.

Jikalau kita lihat kepada aktiviti-aktiviti menghutan semula kawasan-kawasan hutan simpan kekal dalam negeri ini, kita dapati keadaannya juga menghampakan. Jumlah luas kawasan hutan simpan yang telah dapat dijayatumbuhkan sejak 20 tahun yang berlalu ialah seluas kira-kira 540,000 ekar sahaja. Angka ini adalah sangat rendah jikalau dibandingkan dengan luas kawasan yang dibalok secara purata kira-kira 680,000 ekar tiap-tiap tahun. Dalam tempoh 6 tahun kebelakangan ini, kira-kira 1.4 juta ekar kawasan hutan simpan telah dibalok, berbanding dengan hanya seluas 125,000 ekar yang telah dipulihkan.

Dalam menghadapi masalah-masalah yang saya sebutkan tadi Majlis pada hari ini akan mengkaji satu kertaskerja yang penting yang bertajuk "Dasar Perhutanan Negara". Dengan adanya semangat kerjasama kita akan dapat mengadakan langkah-langkah positif yang boleh mengurangkan akibat-akibat buruk daripada krisis atau situasi yang sangat mengharu itu. Sejak penubuhan Majlis Perhutanan Negara dalam tahun 1971, kita telah seringkali menimbangkan soal-soal berkaitan dengan pengisytiharan Dasar Hutan Negara. Jabatan Perhutanan telah menjalankan satu projek raksaksa yang menelan belanja kira-kira \$7.5 juta dengan bantuan UNDP/FAO untuk membantu kita bagi merumuskan satu dasar perhutanan yang progresif untuk dilaksanakan oleh semua pihak. Hari ini, selepas 6 tahun berlalu sejak sidang Majlis yang pertama itu, kita masih berbincang mengenai satu deraf Dasar Hutan Negara. Saya berharap dan bagi kepentingan kita semua dan bersama, saya minta jasa-baik sidang Majlis ini supaya dengan sebulat-suara **menerima** dan bersetuju Dasar yang akan dibentangkan selepas ini tanpa ditangguh-tangguhkan lagi.

Seiring dengan penerimaan Dasar itu, keperluan bagi mengadakan perbekalan undang-undang yang kemas tidaklah juga kurang pentingnya. Sidang Majlis akan mengkaji satu kertas untuk mengulangkaji dan mensejagakan

undang-undang mengenai hutan dalam negara kita ini. Kira-kira lebih 40 tahun telah berlalu sejak enekmen-ekemen hutan dalam negeri-negeri di Semenanjung Malaysia mulai diisytiharkan. Tidak hairanlah jikalau didapati perbekalan yang terdapat dalam enekmen-ekemen itu telah jauh ketinggalan zaman dan ini telah melemahkan jentera pentadbiran dan pelaksanaan undang-undang. Tidakkah perlu saya tegaskan betapa mustahaknya bagi kita bukan sahaja untuk mengulangkaji dan memperkemaskinikan undang-undang itu bahkan juga diseragamkan supaya sesuai dengan unsur-unsur pembangunan negara kita sekarang. Pada hemat saya hanyalah dengan cara ini sahaja kita dapat menjamin keselamatan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti pembangunan hutan dan perusahaan hutan kita secara lebih bermunafaat dan berterusan lagi.

(tambahan)

Juga tidaklah perlu saya tegaskan disini betapa mustahaknya kita segerakan penubuhan kawasan-kawasan hutan simpan kekal dalam negara kita ini. Fatut saya ingatkan bahawa jumlah luas 12.8 juta ekar yang diminta untuk dikekalkan sebagai hutan simpan kekal itu, ialah tidak sesuai untuk kegunaan-kegunaan lain. Sepertiga dari jumlah itu adalah tidak berhasil. Sebagaimana kita semua sedia maklum bahawa teknik-teknik dan cara-cara pengurusan dan pembangunan hutan adalah memerlukan masa yang lama untuk menghasilkan maksudnya. Kita semua sedia meklum bahawa kita telah gagal dalam usaha untuk memulihkan kawasan-kawasan hutan yang telah diusahakan dalam jangka-masa beberapa tahun yang lampau. Bagi mengatasi masalah itu Kerajaan Persekutuan sanggup membiayai kerja-kerja dan aktiviti-aktiviti memulihkan semula kawasan-kawasan hutan yang memerlukan rawatan pemulihan untuk menambah tabong-tabong ses yang telah dikutip oleh Kerajaan Negeri, jikalau pihak Kerajaan Negeri sanggup memberi jaminan supaya kawasan-kawasan itu akan tetap disimpan sebagai hutan simpan kekal.

Saya yakin bahawa semua ahli-ahli sidang Majlis bersetuju adalah menjadi kewajipan dan juga "moral obligation" kita semua untuk menentu semoga sektor perhutanan yang dikurniakan oleh Tuhan kepada negara kita akan terus berpanjangan dan tidak dibiarkan habis dengan begitu sahaja. Sumber itu memerlukan usaha-usaha yang positif supaya boleh diperkayakan lagi. Oleh itu marilah kita, sempena bulan Ramadhan yang mulia ini, pelihara dan kembangkan apa yang berupa nikmat dari Tuhan kepada kita itu bagi kesejahteraan kita bersama untuk jenerasi sekarang dan yang akan datang.

KUALA LUMPUR,
28hb. Ogos, 1977

(dikeluarkan pada pukul 11.30 pagi)

MAV/abs
